

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang 1986/87

RMW 352 - Ekonomi Bangunan

Tarikh: 24 Jun 1987

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.

(3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. (a) Morfologi bangunan memberi kesan terhadap kos sesuatu bangunan. Bincangkan faktor-faktor utama yang mempengaruhi kos sesuatu bangunan. Anda dikehendaki memberi contoh-contoh bangunan yang wajar di dalam penjelasan anda.

(15 markah)

- (b) Memandangkan keadaan ekonomi pada masa sekarang, pengurusan kewangan merupakan perkara yang perlu dipertimbangkan dengan teliti. Huraikan kesan masa dan wang terhadap sesuatu pelaburan harta tanah dalam konteks Ekonomi Bangunan.

(10 markah)

2. (a) Sesuatu model itu mestilah mempunyai matlamat dan boleh diuji dengan teliti. Jelaskan mengenai matlamat penyediaan sesuatu model kos dan huraikan prinsip-prinsip pengajian sesuatu model itu.

(13 markah)

- (b) Suatu kaedah yang kerap diguna untuk membuat anggaran adalah kaedah luasan lantai. Nyatakan prinsip-prinsip di sebalik kaedah ini dan jelaskan berkenaan dengan konstrain-konstrain yang boleh menjaskankan ketepatan sesuatu anggaran yang menggunakan kaedah ini.

(12 markah)

3. (a) Bincangkan berkenaan dengan konsep kawalan kos bersabit dengan sesuatu projek pembinaan dan jelaskan bagaimana konsep ini dilaksanakan untuk projek tersebut.

(13 markah)

- (b) Bincangkan mengenai konsep perancangan kos dan nyatakan dengan jelas tahap-tahap perlaksanaanya di dalam sesuatu projek pembinaan.

(12 markah)

4. (a) "Pengajian bidang Ekonomi Bangunan pada masa sekarang amatlah mustahak untuk setiap ahli iktisas industri binaan, dan bukan sahaja menjadi bidang tumpuan pihak Juruukur Bahan".

Bincangkan ulasan di atas, dan kaitkan dengan faktor-faktor kemunculan konsep ini.

(13 markah)

- (b) Dengan panduan gambarajah, jelaskan aktiviti kos seseorang juruukur bahan daripada tahap awalan hingga siap sesuatu projek itu.

(12 markah)

5. (a) "Untuk rancangan kos menjadi berkesan, suatu pusat simpanan data-data kos dan harga mestilah wujud, oleh kerana pada amnya firma-firma Juruukur Kuantiti tidak dapat memperolehi kesemua data-data asas - Ivor H. Seeley, di dalam bukunya "Building Economics, MacMillan Press Ltd., 1976."

Bincangkan ulasan di atas dengan memberi tumpuan terhadap tujuan serta ciri-ciri analisis kos. Tunjukkan juga kaitan yang terdapat di antara analisis kos, angkatunjuk bangunan serta data-data kos.

(13 markah)

- (b) Suatu aspek prosedur rancangan serta kawalan kos adalah penyediaan sesuatu belanjawan. Terangkan tentang tujuan sesuatu Belanjawan Pembangunan itu ditubuhkan, peranan Juruukur Kuantiti di dalam penubuhannya, kaitan faktor-faktor seperti masa, dan jelaskan mengenai faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi pembangunan secara am.

(12 markah)

-oooo0ooo-

34

35